



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



**SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK
BIL. 1/2015**

**PELANTIKAN JAWATANKUASA PENILAIAN BAGI
PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA DAN TENDER YANG
DILAKSANAKAN OLEH POLITEKNIK**

KANDUNGAN

| | |
|--|----------|
| 1. Tujuan | 3 |
| 2. Latar Belakang | 3 |
| 3. Pekeliling Yang Berkuatkuasa | 3 |
| 4. Arahan Pelaksanaan | 3 |
| 5. Kuatkuasa | 4 |

1. TUJUAN

Tujuan Surat Arahan Ketua Pengarah ini adalah untuk menjelaskan mengenai **kuasa melantik keahlian Jawatankuasa Penilaian** bagi Perolehan Secara **Sebut Harga** dan Perolehan Secara **Tender** yang **diuruskan oleh semua Politeknik**.

2. LATAR BELAKANG

Amalan semasa yang dilaksanakan di **Jabatan Pengajian Politeknik (JPP)** bagi **pelantikan Jawatankuasa Penilaian** Perolehan Secara Sebut Harga dan Perolehan Secara Tender iaitu Jawatankuasa Pembuka, Jawatankuasa Penyedia Spesifikasi, Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga yang **dilaksanakan oleh semua Politeknik** adalah dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah, JPP. Proses ini seringkali menyebabkan kelewatan kepada pelaksanaan perolehan yang berkaitan.

3. PEKELILING YANG BERKUATKUASA

Ketetapan di dalam 1Pekeling Perbendaharaan – 1PP/PK 2/2013 **Para 7 (x): Kaedah Perolehan Kerajaan Sebut Harga** dan **Para 8 (x)(a)(2) dan (xvii)(a)(1): Kaedah Perolehan Kerajaan – Tender** adalah seperti berikut:

Para 7 (x)

“ Pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/ Bahagian yang menguruskan sebut harga.”

Para 8 (x)(a)(2)

“ Pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/ Bahagian yang menguruskan tender.”

Para 8 (xvii)(a)(1)

“ Pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/ Bahagian yang menguruskan tender.”

4. ARAHAN PELAKSANAAN

Dengan Surat Arahan Ketua Pengarah ini, **SEMUA Pelantikan Jawatankuasa Penilaian Perolehan Secara Sebut Harga Dan Perolehan Secara Tender** hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengarah Politeknik yang menguruskan perolehan tersebut.

5. KUATKUASA

Arahan ini **berkuatkuasa serta-merta** dan sah selagi Pekeliling yang dinyatakan di Para 3 tidak pinda atau dibatalkan.



(YBHG. DATUK HJ. MOKLIS BIN JAAFAR)

KPT/ JPP/BKP(S)/07/01/025(1)

16 Januari 2015